53

NO SOALAN :28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	**: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT)**
PERTANYAAN	**: LISAN**
TARIKH	**: 30.11.2017**

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan terhadap Kerajaan Malaysia membeli Boeing berjumlah RM17 bilion bagi menambahkan kapal terbang MAS dan apakah nasib pekerja-pekerja MAS yang telah diberhentikan kerja sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan rangka kerja di bawah Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) mulai 29 Ogos 2014, Malaysia

Airlines Berhad (MAB) akan mengembang-kan operasinya ke laluan-laluan baharu di Eropah dan beberapa destinasi di Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, MAB memerlukan pesawat yang lebih luas (*wide-body*) seperti pesawat Boeing 737 MAX 10 yang akan menguntungkan syarikat penerbangan tersebut dengan kos tempat duduk paling murah dalam kelasnya. Pesawat Boeing 787-9 Dreamliner pula bersifat *flexible* dimana ia berupaya melakukan penerbangan jarak jauh bagi tempoh di antara 5 hingga 7 jam atau 7 hingga 13 jam. Pesawat-pesawat ini mempunyai kecanggihan daripada segi teknologi dengan ciri-ciri terkini dan amat efisien daripada segi penggunaan minyak dan bahan api yang dapat menjimat dan meminimakan kos operasi syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Khazanah telah menubuhkan Pusat Pembangunan Korporat (CDC) yang mula beroperasi pada 1 Jun 2015 untuk menawarkan latihan dan penempatan perkhidmatan secara percuma untuk bekas kakitangan Malaysian Airline System Berhad (MAS) yang meninggalkan syarikat penerbangan tersebut, sejajar dengan pelaksanaan PPM. Antara program dan latihan yang disediakan termasuk profil bakat, kaunseling kerjaya, latihan asas dan terperinci, kemahiran pencarian pekerjaan, keusahawanan, perancangan persaraan dan penempatan semula.

Sehingga 20 Oktober 2017, bekas kakitangan MAS yang tidak ditawarkan pekerjaan di syarikat baharu (MAB) dan layak menerima latihan di CDC, telah pun mendaftar dan menjalani pelbagai jenis latihan di pusat latihan yang dibangunkan oleh Khazanah. Ini memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan pekerjaan di lain-lain sektor dan sebahagian daripada mereka telah pun memulakan pekerjaan baharu dalam bidang kerjaya pilihan masing-masing.